

## Peranan Pedagang British dalam Mendesak Britain Mengubah Dasar Diplomasi Terhadap China Awal Abad ke-19

*The Role of British Traders in Urging Britain to Change Diplomacy Policy Against China in the Early 19th Century*

**Fairisa Othman<sup>1\*</sup>, Suffian Mansor<sup>2</sup> dan Mohd Samsuddin<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

<sup>2,3</sup>Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, MALAYSIA

\*Email: [fairisa@fsk.upsi.edu.my](mailto:fairisa@fsk.upsi.edu.my)

**Published:** 13 October 2022

**To cite this article (APA):** Othman, F., Mansor, S., & Mohd Samsuddin. (2022). The Role of British Traders in Urging Britain to Change Diplomacy Policy Against China in the Early 19th Century: Peranan Pedagang British dalam Mendesak Britain Mengubah Dasar Diplomasi Terhadap China Awal Abad ke-19. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 14(2), 14–26. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.2.2.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.2.2.2022>

### Abstrak

Kemerosotan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) pada akhir abad ke-18 memberi peluang kepada kemunculan pedagang persendirian British. Pedagang persendirian British mengambil alih peranan SHTI dalam menjalankan perdagangan antara benua Barat dan Timur. Antara kawasan yang menjadi tumpuan pedagang British adalah China. China bukan sahaja menghasilkan sutera dan tembikar yang berkualiti tetapi turut membekal teh yang digemari oleh orang Eropah. Perdagangan semakin menguntungkan apabila pedagang British berjaya membawa masuk candu ke pasaran China. Walau bagaimanapun, aktiviti perdagangan yang dijalankan oleh pedagang British di China tidak mudah. Pedagang British berhadapan dengan pelbagai masalah dan tekanan daripada pihak China. Namun, disebabkan perdagangan yang menguntungkan, pedagang British cuba mendesak Britain mengubah dasar diplomasi terhadap China. Justeru itu, makalah ini akan menganalisis faktor dan peranan pedagang British mendesak Britain mengubah dasar diplomasi terhadap China. Selain itu, kertas kerja ini turut menilai kejayaan pedagang British mempengaruhi kerajaan Britain. Bagi membuktikan hujah dan perbincangan, kertas kerja ini menggunakan penyelidikan sejarah dengan merujuk sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri daripada rekod-rekod kerajaan dan surat-menyurat. Sumber sekunder pula dirujuk daripada buku dan jurnal bagi menyokong dapatan penulisan ini.

**Kata Kunci:** Pedagang, candu, dasar diplomasi, Britain, China

### Abstract

*The decline of the British East India Company (EIC) in the late 18th century provided an opportunity for the emergence of British private traders. The British trader took over the role of EIC in the intercontinental trade between East and West. China was among the main focus of the areas. China not only produced quality silk and pottery but also supplied tea that was demanded by the Europeans. Trade became increasingly profitable when British traders managed to balance the trade by bringing in opium into the China market. However, trading activity conducted by British merchants in China is not that easy. British traders had to accept various problems and pressure from the Chinese. Due to the lucrative trade, British traders tried to urge Britain in changing its diplomatic policy towards China. Therefore, this paper analyses the factors and the role of British merchants in urging Britain to change its policy toward China diplomacy. In addition, this paper also evaluates the success of these*

*British traders in influencing the British government. To substantiate the argument and discussion, this paper uses historical research with reference to primary and secondary sources. The primary source of government records, correspondence and reports were referred to and interpreted. Thus, this paper also referred to both books and journals to support the analysis in this paper.*

**Keywords:** Trader, opium, diplomacy policies, Britain and China

## Pengenalan

Sebelum abad ke-19, China mengamalkan dasar pintu tertutup dan isolasi dengan dunia luar. China menganggap dirinya sebagai *Middle Kingdom* yang mendapat mandat dari syurga. China enggan mengadakan sebarang bentuk hubungan sama ada secara diplomasi atau perdagangan dengan pihak luar. Namun, perkembangan pelayaran dan perdagangan di Eropah menyebabkan ramai pedagang British datang ke Asia untuk berdagang. China menjadi salah negara tumpuan pedagang British untuk mendapatkan teh, tembikar dan sutera untuk dipasarkan di Eropah. Pihak China hanya membenarkan syarikat yang dilantik oleh kerajaan Britain untuk berdagang di China, iaitu Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI). Walau bagaimanapun, pada akhir abad ke-18, SHTI mula merosot dan keadaan ini menyebabkan kemunculan pedagang persendirian British yang berdagang di China terutama di Canton dan Macao. Selepas penamatkan monopoli SHTI pada 1834, perdagangan yang sebelum ini dikuasai oleh SHTI diambil alih oleh pedagang British. Pedagang British semakin bertambah saban tahun sehingga ada yang berjaya membuka syarikat agensi seperti Jardine Matheson & Co, Dent Rusell dan ramai lagi. Bagi mengimbangi perdagangan dengan China, pedagang British mengeksport candu untuk dipasarkan ke China. Namun, cubaan pedagang membawa masuk barang daripada Eropah ke China tidak mendapat sambutan. Orang Cina enggan membeli barang luar dan menganggap barang luar tidak berkualiti serta dihasilkan oleh orang gasar. Perdagangan candu amat menguntungkan kepada pedagang British tetapi tidak kepada China. Malah, pihak China turut mengharamkan perdagangan candu. Situasi ini menyebabkan aktiviti penyeludupan candu dilakukan secara haram oleh pedagang British. Pedagang British turut menghadapi pelbagai masalah dengan pihak China. Masalah tersebut menyebabkan pedagang British mendesak kerajaan Britain mengubah dasar diplomasi terhadap China demi menjaga kepentingan perdagangan British di China. Justeru itu, kajian ini akan menganalisis faktor dan peranan pedagang British dalam mendesak kerajaan mengubah dasar yang diguna pakai sebelum ini.

## Kajian Lepas

Kajian tentang perdagangan peringkat awal antara pedagang British di China telah dibincangkan oleh beberapa orang penulis Barat, misalnya Greenberg dalam *British Trade and Opening China 1800-1842*, J.K Fairbank dalam *Trade and Diplomacy on the China Coast: The Opening of the Treaty Ports 1842-1845* dan Paul A. Van Dyke dalam *Canton Trade: Life and Enterprise on the China East 1700-1845*. Semua penulis bersetuju bahawa kemunculan pedagang persendirian British adalah disebabkan kemerosotan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI). Kemerosotan monopoli perdagangan oleh SHTI pada abad ke-18 telah memunculkan komuniti pedagang persendirian. Sebelum mengalami kemerosotan, SHTI merupakan syarikat perdagangan yang mendapat mandat dan diberi status istimewa daripada Ratu Elizabeth. SHTI berjaya menguasai perdagangan dan memecah monopoli perdagangan Portugis di India semasa era pemerintahan Mughal. SHTI juga memberi keuntungan yang lumayan kepada Britain. Walau bagaimanapun, kegemilangan SHTI tidak dapat bertahan dan mengalami kemerosotan yang teruk sehingga menyebabkan Kerajaan Britain menamatkan operasi SHTI pada tahun 1834. Penamatkan tersebut memberi ruang kepada kemunculan pedagang persendirian British yang berdagang dari Britain ke Timur terutamanya China. (Greenberg, 1969 & Fairbank, 1969).

Pedagang persendirian British ini mengambil alih peranan yang dimainkan oleh SHTI. Pedagang persendirian British membawa keluar teh dan sutera dari China untuk dipasarkan di Eropah. Manakala barang dari Eropah seperti perhiasan di bawa masuk ke China. Walau bagaimanapun, perdagangan dua hala ini tidak memberi keuntungan yang besar kepada pedagang persendirian British. Hal yang demikian kerana, barang yang di bawa masuk dari Eropah ke China tidak mendapat sambutan berbanding barang yang di bawa keluar. Permintaan tinggi terhadap teh dan sutera di pasaran Eropah menyebabkan imbangan perdagangan tidak seimbang dan menyebabkan aliran keluar wang ke China lebih banyak berbanding aliran masuk. Keadaan ini menyebabkan pedagang persendirian British mencari alternatif lain untuk menjual barang yang boleh menarik minat dan mendapat permintaan tinggi bagi pasaran China.

Berdasarkan kajian Alain Le Pichon dalam *China trade and empire: Jardine, Matheson & Co. and the of British rule in Hong Kong, 1827-1843*, percubaan pedagang persendirian seperti William Jardine dan James Matheson membawa masuk cандu untuk dipasarkan ke China mendapat sambutan daripada orang Cina. Malah, pertemuan kedua-dua pedagang persendirian ini di Canton membawa kepada penubuhan rumah agensi yang dikenali sebagai Jardine Matheson Company (JM). Rumah agensi ini seterusnya menjadi agensi yang terpenting selepas penutupan SHTI. Pengalaman William Jardine yang pernah menjadi dokor dalam kapal dagang SHTI memberi kelebihan untuk memahami selok belok perdagangan di China. Manakala, James Matheson yang turut mempunyai pengalaman yang luas dalam perdagangan semasa bekerja di syarikat perkapalan dan perdagangan di Calcutta memberi kelebihan kepada mereka untuk mendapat bekalan candu dari India untuk dibawa masuk ke China. Kelebihan yang dimiliki oleh kedua-dua pedagang ini menyebabkan mereka muncul sebagai pedagang yang terkenal dan terpengaruh dalam kalangan pedagang British di China (Alain Le Pichon, 2006).

Kemasukan candu ke China oleh pedagang persendirian ini memberi keuntungan berlipat ganda. Permintaan candu yang tinggi bukan sahaja menguntungkan tetapi berjaya mengimbangi perdagangan. Situasi ini menyebabkan pedagang persendirian cuba meluaskan pasaran candu ke seluruh kawasan di China. Namun, dasar China yang menyekat perdagangan bebas serta enggan berdiplomasi dengan pedagang asing menimbulkan kesulitan kepada pedagang persendirian. Bermula 1760, China hanya membenarkan pedagang asing berlabuh di Canton. Pedagang asing tidak dibenarkan berdagang di pelabuhan lain. Berdasarkan kajian Weng Eang Cheong, *The Hong Merchants of Canton: Chinese Merchants in Sino-Western Trade, 1684-1798*, pedagang Barat hanya dibenarkan berdagang di Canton melalui pegawai yang dilantik oleh pihak kerajaan antaranya Hoppo. Hoppo kemudian ditukar kepada Hong. Hong yang dilantik oleh pihak istana dan terdiri daripada 13 saudagar China. Pada tahun 1720, mereka menuahkan kesatuan pedagang yang dikenali sebagai Cohong. Penubuhan Cohong menyebabkan kegiatan perdagangan oleh pedagang Barat semakin ketat. Kegiatan perdagangan banyak didominasi oleh pedagang tempatan. (Weng Eang Cheong, 1997).

Sekatan perdagangan semakin ketat apabila ketagihan candu berlaku dalam kalangan rakyat China. Malah, ketagihan candu turut berleluasa dalam kalangan pembesar dan pegawai kerajaan. Situasi ini menyebabkan pihak China mengeluarkan arahan pengharaman penggunaan candu pada 1839. Selain itu, Maharaja Tao Kuang melantik Lin Tsue-hsu sebagai Pesuruhanjaya Anti Candu di Canton. Beliau seorang yang tegas dan akan mengambil tindakan drastik dengan membuat rampasan peti candu milik pedagang persendirian. Keadaan ini menyebabkan pedagang tidak berpuas hati dengan pihak China dan mendesak Kerajaan Britain mengubah dasar terhadap China. Justeru itu, kertas kerja ini akan menganalisis faktor dan peranan yang dimainkan oleh pedagang British di China dalam mendesak Kerajaan Britain bagi mengubah dasar terhadap China. Selain itu, kertas kerja ini turut membincangkan

kejayaan dan kegagalan pedagang persendirian dalam mendorong pihak kerajaan mengubah dasar terhadap negara China.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif, iaitu menggunakan kaedah penyelidikan sejarah dan kaedah kepustakaan. Penelitian terhadap sumber primer dan sekunder menjadi asas pengumpulan data kajian ini. Penggunaan sumber primer seperti surat-menyurat, dokumen rasmi kerajaan, rekod dan catatan pedagang persendirian yang diperoleh daripada *National Archives of United Kingdom*, dan *Janus Archive, University of Cambridge* akan ditafsir dan dianalisis dengan teliti bagi menentukan keabsahan maklumat yang diperoleh. Selain itu, sumber sekunder seperti buku dan artikel jurnal yang berkaitan dengan perdagangan awal, aktiviti penyeludupan candu serta dasar diplomasi dan perdagangan antara China dan Britain turut digunakan. Semua sumber yang dirujuk sangat penting untuk menyokong dan memantapkan lagi perbincangan serta analisis dalam kajian ini.

## Dapatan Kajian

Hasil kajian menunjukkan terdapat empat faktor yang mendorong pedagang British mendorong kerajaan Britain mengubah dasar diplomasi dan perdagangan terhadap China. Sebelum abad ke-19, China hanya membenarkan syarikat perdagangan antara negara sahaja. Misalnya, Britain melantik Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) sebagai wakil Britain berdagang di luar Eropah pada tahun 1600. Selepas 37 tahun penubuhan SHTI, pihak China membenarkan perdagangan di Canton. SHTI menjadi syarikat perdagangan tunggal yang menguasai dan memonopoli perdagangan antara Eropah dan Asia. Namun, pada akhir abad ke-18, kemerosotan SHTI telah menyebabkan kemunculan pedagang persendirian dari Britain seperti Jardine, Matheson, Rusell dan ramai lagi. Mereka membuka rumah agensi di Canton, Calcutta dan Madras. Kemunculan pedagang persendirian ini juga membawa perkembangan yang memberangsangkan terhadap perdagangan candu di China. Walau bagaimanapun, kehadiran mereka tidak begitu disenangi oleh pihak China. Keadaan ini menyebabkan pedagang persendirian mendesak kerajaan Britain melindungi aktiviti perdagangan mereka di Canton. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pedagang British mendesak parlimen Britain mengubah dasar perdagangan dan diplomasi terhadap China antaranya faktor perbezaan dasar perdagangan antara China dan Barat, sekatan perdagangan, kegagalan wakil Britain menjalinkan hubungan diplomasi dan pengharaman candu.

## Perbezaan Dasar Perdagangan

Isu perbezaan dasar perdagangan yang diamalkan oleh pedagang Barat dengan China menimbulkan krisis antara kedua-dua pihak. Pedagang British tidak berpuas hati dengan China dan begitu juga dengan China. Perkembangan perdagangan dan ekonomi yang pesat di Eropah mendukung konsep perdagangan bebas yang diperjuangkan oleh Adam Smith. Menurut beliau, “*A more extensive foreign trade...could scarce fail to increase very much the manufactures of China, and to improve very much the productive powers of its manufacturing industry.*” (Gardella, 1994). Pandangan beliau mendapat sokongan daripada pedagang British seperti William Jardine dan James Matheson yang berhasrat meluaskan dan mengembangkan perdagangan ke seluruh China (Fairisa, 2020). Namun, matlamat ini jelas bertentangan dengan amalan dan dasar negara China.

China mengamalkan Dasar Pintu Tertutup dan enggan mengadakan hubungan dengan negara luar. Malah, orang asing dianggap sebagai orang gasar dan tidak sama taraf dengan orang China. China beranggapan dirinya sebagai *Middle Kingdom* dan mempunyai derajat yang tinggi berbanding dengan negara lain. China juga tidak memerlukan barang luar

kerana bagi China, semua barang yang dibawa oleh pedagang asing boleh diperoleh sendiri di China. Permintaan tinggi dan kebergantungan pedagang asing terhadap teh, tembikar dan sutera yang dikeluarkan China menyebabkan China menganggap barang dari luar tidak bernilai. Selain itu, menurut kepercayaan Konfusianisme, aktiviti perdagangan atau menjadi pedagang merupakan aktiviti yang tidak produktif, parasit dan eksploitasi serta bersifat keduniawan. Malah, dalam hirarki sosial, golongan peniaga dan pedagang merupakan individu dalam kelas sosial yang terakhir dan dipandang hina. Mentaliti tersebut mendasari pemikiran dan tindakan China dalam perdagangan (Peter W.F, 1997). Bagi masyarakat Barat pula, mereka beranggapan orang China sebagai orang gasar yang tidak bertamadun. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab mereka untuk mentamadunkan orang gasar dan menganggap orang China sebagai *the White Burden*.

Jelasnya, perbezaan dalam dasar perdagangan ini menimbulkan kesulitan antara pedagang. Pedagang British merasakan tindakan yang dilakukan oleh China tidak berasas. Namun, permintaan yang sangat tinggi terhadap teh dan sutera di pasaran Eropah menyebabkan pedagang British tetap menjalankan perdagangan dengan pihak China. Malah, barang tersebut sangat popular dan eksklusif dalam kalangan bangsawan menyebabkan pedagang berlumba-lumba mendapat barang tersebut walaupun terpaksa menempuh pelayaran yang panjang. Syarikat Jardine Matheson & Company misalnya mengaut keuntungan hasil daripada eksport sutera, iaitu pada tahun 1830, keuntungan yang diperolehi meningkat daripada \$526,000 kepada \$2,300,000 pada tahun 1837. Produk teh juga menunjukkan permintaan yang tinggi setiap tahun. Pada tahun 1830, nilai dagangan teh yang dieksport adalah sebanyak \$62,000. Jumlah tersebut meningkat tiga kali ganda pada tahun 1837 yang mencatatkan nilai sebanyak \$256,000 dan pada tahun 1841 nilai dagangan adalah sebanyak \$1,567,000. (JM/A1/40). Peningkatan ini sejajar dengan permintaan tinggi produk teh daripada England. Teh dijadikan minuman kebangsaan dan China merupakan negara terbesar menghasilkan teh (Arthur Waley, 1995).

Walau bagaimanapun, keuntungan utama bagi pedagang British adalah perdagangan cendol. Nilai keuntungan cendol pada tahun 1837 adalah sebanyak \$1,340,000 dan jumlah tersebut melonjak naik kepada \$7,298 pada tahun 1838. (JM/A1/40). Pada peringkat awal, penggunaan cendol hanya sebagai bahan perubatan tetapi akhirnya telah dieksplotasi sebagai bahan untuk keseronakan hingga menyebabkan ketegihan dalam kalangan rakyat China. Situasi ini telah menyebabkan China mengharamkan perdagangan cendol. Pengharaman ini menyebabkan pedagang British menyeludup cendol secara haram ke China. Tindakan pedagang British ini membuatkan negara China melihatnya sebagai suatu tindakan keji yang membawa anasir negatif daripada luar (Arthur Waley, 1995). Jelas bahawa perbezaan dasar perdagangan yang diamalkan oleh China dan pedagang British menyebabkan pedagang British mendesak pihak kerajaan Britain mewakili pedagang British untuk berunding dengan negara China untuk mengubah dasar perdagangan yang diguna pakai sebelum ini.

### Sekatan Perdagangan

Selain perbezaan perdagangan yang ketara, pedagang British turut menghadapi masalah dengan sekatan undang-undang perdagangan yang digunakan oleh China terhadap pedagang asing. Sebagai contoh, antara peraturan yang dibuat ialah pedagang hanya dibenarkan berada di Canton dalam musim perdagangan, iaitu dari bulan Oktober hingga Januari. Di luar musim tersebut, pedagang asing dikehendaki meninggalkan Canton. Sebagai jaminan agar mereka tidak menetap di Canton, pedagang asing tidak dibenarkan membawa keluarga mereka. Keluarga mereka mesti ditinggalkan di Macau (wilayah Portugis). Mereka juga tidak boleh bergerak bebas kecuali pada tarikh 8, 18 dan 28 hari bulan pada setiap bulan dalam musim perdagangan.

Pedagang asing juga tidak boleh berdagang secara langsung dengan orang Cina. Aktiviti perdagangan mesti dijalankan melalui cohong yang dilantik. Cohong mempunyai

kuasa penuh dalam perdagangan asing seperti memberi kebenaran berdagang, kebenaran menggunakan sungai, menetapkan harga dan cukai, menentukan jenis perdagangan dan sebagainya. Hubungan antara orang asing dengan kerajaan China mesti dijalankan melalui cohong. Sekatan undang-undang perdagangan yang dikenakan kepada pedagang asing di Canton telah menimbulkan rasa sangat tidak puas hati dalam kalangan pedagang British terhadap China. Cohong yang dilantik juga tidak bertanggungjawab, menerima rasuah dan sering menindas pedagang asing. Tindakan cohong mengenakan cukai dan harga yang tinggi menimbulkan kemarahan dalam kalangan pedagang British (Weng Eang Cheong, 1995). Oleh sebab itu, kesulitan yang dihadapi oleh pedagang British telah mendorong mereka memohon pihak kerajaan Britain membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi.

### **Kegagalan Wakil Britain Menjalinkan Diplomasi dengan China**

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan Britain untuk menjalinkan hubungan diplomasi dengan China sejak abad ke-17 lagi. Beberapa percubaan dilakukan tetapi menemui kegagalan. Sungguhpun demikian, Britain masih ingin menjalinkan hubungan dua hala dengan pihak China. Hubungan yang baik antara kedua-duanya penting untuk menjamin kepentingan perdagangan British di China. Malah, wakil Britain mengharapkan hubungan baik yang dibina dapat menyelesaikan masalah dan kesulitan perdagangan yang dihadapi oleh pedagang British yang datang berdagang di China.

Pada tahun 1793 misalnya, kerajaan Britain menghantar Lord Macartney bertemu dengan Mahaaraja Chien Lung bertujuan menjalinkan hubungan perdagangan. Namun, percubaan tersebut gagal. Maharaja Chein Lung menegaskan “*Strange and costly objects do not interest me. As your Ambassador can see for himself we possess all things. I set no value on strange objects and ingenious and we have no use for your country's manufactures.*” (Zeng Yangwen, 2012). Kenyataan tersebut jelas menunjukkan China tidak berminat mengadakan hubungan dengan kerajaan asing. China menganggap negara luar perlu menghormati China sebagai *Middle Kingdom*. Sistem tribunari yang diamalkan oleh China tidak disetujui oleh Britain. Menurut sistem tersebut, negara luar yang ingin mengadakan hubungan dengan China perlu membayar wang perlindungan. Prinsip ini bertentangan dengan pendirian dan persepsi Barat yang melihat orang Asia sebagai orang gasar dan menganggap orang Asia perlu ditamadunkan. Akhirnya, percubaan menghantar Loard Macartney untuk menjalankan rundingan menemui kegagalan.

Walau bagaimanapun, bagi menjamin kepentingan perdagangan di China, kerajaan Britain dan pedagang British tetap bertahan dan berusaha menjalinkan hubungan diplomasi dengan China. Selepas penamatian SHTI, Britain menghantar Lord William John Napier, Ketua Pegawai Perdagangan ke Canton pada tahun 1834. Lord Napier ditugaskan sebagai wakil kerajaan Britain untuk menjaga hal ehwal perdagangan di China. Walau bagaimanapun, kedatangan Lord Napier tidak disambut baik oleh China. Pihak China tidak menerima Lord Napier sebagai wakil kerajaan Britain. Wizarai Lu Kun enggan bertemu dengan Lord Napier yang dianggap sebagai barbarian. Keenganan Napier mengikut protokol yang ditetapkan oleh China menyebabkan beliau belayar dari Canton ke Macoa. Semasa Napier di Macoa, beliau jatuh sakit dan akhirnya beliau meninggal dunia (W. Travis Hanes, 2003).

Selepas kematian Lord Napier, Britain menghantar John Francis Davis. Walau bagaimanapun, selepas beberapa bulan Davis meletakkan jawatan. Hal yang demikian kerana beliau tidak bersepakat dengan pedagang British di Canton yang sering mendesak Britain menyerang China. Beliau menyatakan “*It is more difficult to deal with our own countrymen at canton than with the Chinese government.*” Davis kemudiannya digantikan dengan Sir George Robinson. Robinson tidak disukai oleh pedagang apabila beliau cuba menghentikan penyeludupan cандu dan mencadangkan kerajaan Britain untuk menghentikan penanaman pokok popi di India. Tindakan Robinson menyebabkan beliau dipecat dan digantikan Captain

Charles Elliot. Elliot datang ke Canton pada tahun 1839 untuk menyelesaikan dan menguruskan masalah perdagangan yang dihadapi oleh pedagang British. Pada masa yang sama, krisis antara pedagang British dengan China semakin meruncing. Tindakan pedagang British membawa masuk candu secara haram menimbulkan kemarahan kepada pihak China. Tindakan Elliot yang akur terhadap rampasan candu yang dilakukan oleh Pesuruhanya Lin Tsue-hsu pula menimbulkan kemarahan dalam kalangan pedagang British. Keadaan ini menyebabkan pedagang British yang diketuai oleh Jardine dan James Matheson mendesak kerajaan Britain mengubah dasar terhadap China. Selain itu, perdangan British yang berada di China merasakan wakil yang dihantar oleh pihak kerajaan gagal membantu membela dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Berdasarkan faktor inilah pedagang British menggesa kerajaan Britain mengubah dasar mereka terhadap negara China.

### Pengharaman Candu

Usaha China membanteras penyeludupan candu dipergiatkan dengan melantik Lin Tsue-hsu sebagai Pesuruhjaya Anti Candu di Canton. Lantikan tersebut mendapat perkenan oleh Maharaja Tao Kuang pada tahun 1838. Beliau seorang yang tegas dan mengendalikan masalah penyeludupan candu dengan serius. Pada tahun 1839, Pesuruhjaya Lin telah menghantar surat kepada Ratu Victoria untuk memaklumkan pengimportan candu adalah diharamkan di China. Antara isi kandungan tersebut menyatakan;

*There appear among the crowds of barbarians both good persons and bad. there are those who smuggle opium to seduce the Chinese people and so cause the spread Prison to all provinces. Such persons who only care to profit themselves, and disregard their harm to others. (Ssu-yu Tend & J. Fairbank, 1965).*

Walau bagaimanapun, surat tersebut hilang dan tidak sampai ke tangan Ratu Victoria. Keadaan ini menyebabkan Pesuruhanjaya Lin tidak menerima maklum balas daripada ratu Victoria dan beliau telah mengambil tindakan drastik. Pada Mac 1839, beliau telah mengarahkan semua pedagang Barat menyerahkan candu yang disimpan di Pulau Lintin. Beliau juga memberi amaran bahawa candu yang lewat diserahkan pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan pihak pengimportnya berdepan hukuman mati. Malah, pedagang yang ingkar akna menyebabkan gudang mereka disita dan dikepung oleh askar China. Sebulan selepas itu, Elliot tiba di Canton dan pedagang British terpaksa menyerahkan 20,283 peti candu yang bernilai 2,000,000 pounds kepada Elliot. Sebanyak 7000 peti daripada jumlah keseluruhan peti tersebut adalah kepunyaan Jardine Matheson & Co. Rampasan ini menyebabkan Jardine Matheson & Co. mengalami kerugian yang besar. Candu yang digambarkan sebagai emas dan barang yang sangat berharga menyebabkan Jardine dan Matheson mendesak pedagang British yang lain turut membantah tindakan China (Fairisa at.all, 2020). Lebih mengejutkan pedagang British adalah apabila Elliot menyerahkan candu tersebut kepada Pesuruhanjaya Lin untuk dimusnahkan. Situasi ini jelas menimbulkan perasaan marah dalam kalangan pedagang terhadap tindakan Elliot dan Pesuruhanjaya Lin. Elliot berjanji untuk memohon kerajaan Britain membayar ganti rugi kepada pedagang yang terlibat. Namun, pedagang British merasakan tindakan China yang keterlaluan dan Elliot gagal mempertahankan pedagang British. Keadaan ini telah mendorong pedagang British mendesak kerajaan Britain memaksa China mengubah dasar perdagangan, membuka lebih banyak pelabuhan dan membenarkan perdagangan asing di China tanpa sekatan yang berunsur penindasan.

## Peranan Pedagang Mendesak Kerajaan Mengubah Dasar Terhadap China

### Melobi dan Menghantar Petisyen Kerajaan Britain

Bermula pada tahun 1835, usaha pedagang British melobi kerajaan Britain untuk menyerang China dimulakan dan semakin giat selepas kedatangan Lord Napier di Canton. Kegagalan Napier berunding dan dimalukan oleh pihak China menyebabkan pedagang British memulakan usaha mendesak Britain mengubah dasar terhadap China demi kepentingan perdagangan. Risalah-risalah berkaitan perdagangan bebas, situasi dan tekanan yang diberikan oleh China diedarkan dalam kalangan pedagang British. Matheson misalnya mengedarkan risalah *The Present Position and Prospect of the British Trade with China* mengambarkan, “*Chinese as a people characterized by a marvelous degree of immobility, vice, conceit and obstinacy. They consequently exhibit spirit of exclusiveness.*” Manakala George Gordon dalam risalah bertajuk *Address to People of Great Britain* menyatakan, “*Our sovereign himself has in the person of his representative at Canton, the late Lord Napier, been insulted by Chinese authorities and the national flag has been fired upon from Chinese batteries.*” (Song-Chuan Chen, 2017). Tujuan utama penyebaran risalah ini adalah untuk mengumpulkan semua pedagang British dan mendesak kerajaan Britain bagi membuat perubahan dasar terhadap China dengan lebih tegas untuk menjamin kepentingan perdagangan British di China.

Tindakan pedagang British seterusnya ialah menghantar petisyen kepada kerajaan Britain selepas kematian Napier. Semasa Napier tiba di Canton dan berhadapan masalah dengan wakil China, pedagang British telah mengadakan pertemuan dengan Napier. William Jardine yang merupakan pedagang persendirian yang paling berpengaruh dalam kalangan pedagang British di China mencadangkan Napier supaya menghantar surat kepada Lord Palmerston meminta bantuan ketenteraan bagi menentang China. Walau bagaimanapun, Lord Palmerston tidak mengendahkan permintaan tersebut. Semasa Napier di Macoa, beliau jatuh sakit dan akhirnya meninggal dunia. Selepas Napier meninggal dunia, Jardine bersama 85 orang pedagang British yang lain menghantar petisyen kepada Raja William IV. Petisyen tersebut menjadikan penghinaan terhadap China dan kematian Napier sebagai isu untuk meyakinkan kerajaan Britain mengambil tindakan ketenteraan ke atas China. Beliau menugaskan Matheson untuk melobi parliment Britain bagi memaksa Kerajaan Ch'ing untuk mengubah polisi dan membenarkan perdagangan yang terbuka di China. Walau bagaimanapun, usaha tersebut tidak berjaya kerana Matheson gagal meyakinkan Parliment dan ditegur oleh Setiausaha Luar Britain, Duke of Wellington. Malah, tindakan Jardine dan Matheson telah dianggap sebagai “*arrogant and Stupid man.*” (Keswick, 1982).

Walaupun petisyen ditolak dan tidak diterima, pedagang British terus berusaha menyakinkan kerajaan Britain. Krisis yang berlaku antara China dan pedagang British menyebabkan William Jardine kembali ke England untuk melobi kerajaan. Malah, Jardine menjadi orang yang sangat tidak disukai oleh China disebabkan tindakan syarikatnya yang membawa masuk candu secara haram. Tindakan Pesuruhanjaya Lin menghapuskan candu milik pedagang British dijadikan isu oleh Jardine untuk melobi Parliment. Malah, insiden tersebut turut menjadi topik perdebatan di Parliment. Jardine meminta bantuan daripada John Abel Smith, Wakil Rakyat Chichester dan juga orang yang bertanggungjawab menjalankan perbankan di London untuk Jardine Matheson & Co. Smith menghubungi Palmerston dan mengatur pertemuan antara kedua-duanya. Akhirnya, Jardine berjaya bertemu Palmerston pada Oktober 1839. Pertemuan ini sangat penting bagi pedagang British untuk mendapatkan sokongan Palmerston bagi membawa isu perdagangan di parliment. Selain itu, pertemuan ini memberi peluang kepada Jardine untuk membentang idea dan pelan tindakan yang perlu dilakukan Britain sekiranya ingin menyerang China kerana pedagang British lebih memahami keadaan dan bentuk muka bumi, cuaca dan kekuatan serta kelemahan pihak China.

## Mencadangkan Pelan Tindakan Kepada Britain

Pertemuan Jardine dan Palmerston pada Oktober 1839 membawa hasil apabila Palmerston bersetuju membawa usul yang dicadangkan ke parlimen. Jardine mencadangkan kerajaan Britain perlu bersikap tegas dan menggunakan kekerasan untuk mendesak China mengubah dasar perdagangannya terhadap orang asing. Kedegilan dan keangkuhan kerajaan China kepada pedagang British turut menjatuhkan maruah dan imej Britain sebagai bangsa yang bertamadun. Selari dengan perkembangan perdagangan yang semakin pesat serta perdagangan cанду yang menguntungkan berkali ganda, maka langkah yang sewajarnya perlu dilakukan dengan kerajaan Britain perlu mengambil tindakan segera dan serius bagi menyelesaikan masalah perdagangan di China. Jardine mencadangkan Britain menggunakan kekerasan dengan menggunakan kapal perang dan senjata api untuk melemahkan China. Beliau juga menyarankan supaya kapal perang Britain mengepung semua pelabuhan utama kerana kawalan di pelabuhan oleh cohong adalah longgar. Malah, terdapat cohong dan pedagang Cina sendiri yang mudah dirasauh untuk mendapatkan maklumat dan rahsia kerajaan China.

Jardine juga memberi cadangan kepada Palmerston tentang tindakan yang perlu dilakukan selepas memenangi perang antara Britain dan China. Beliau mencadangkan supaya pihak British memaksa China menandatangani perjanjian bagi memastikan pembayaran balik cанду yang dimusnahkan dan membuka pelabuhan tambahan untuk perdagangan asing. Pelabuhan yang disarankan seperti Foochow, Ningpo, Shanghai dan Kiachow. Pada Disember 1839, Palmerston menghantar memorandum lengkap untuk dibentangkan di parlimen. Memorandum tersebut juga dikenali sebagai *Jardine Paper*. Antara isi kandungan memorandum tersebut sama seperti surat yang dihantar oleh Jardine kepada Matheson bertarikh 19 Disember 1839.

*"My advice is to send a naval force to blockade the coast of China from the Tartar wall to Tienpack or from 40 to 20 degrees north; the force to consist of two ships of the line, two frigates and two flat-bottomed steamers for river service, with a sufficient number of transports to carry...six or seven thousand men. The force to proceed to the vicinity of Pekin, and apply directly to the Emperor for an apology for the insult...payment for the opium given up, an equitable commercial treaty, and liberty to trade with northern ports...say, Amoy, Foochow, Ningpo, Shanghai and also Kiaochow, if we can get it.*

*The two first demands would readily be granted, but the third and fourth may be refused, and then we must proceed to take possession of three or four islands, say Formosa, Quemoy, and Amoy (or at least two...and intercept the trade from Formosa). We should also take the great Chusan island, which being near Peking would be source of great annoyance to the Emperor. Having these islands in our possession, the Chinese would most likely grant all our demands on condition of our giving them up. I observe you are for Formosa, but it is too large, unless the inhabitants are well disposed towards us, How this advice will be received we know not as we have not yet sent it to Lord Palmerston." (JM/C5/4).*

## Mendapatkan Sokongan Awam

Langkah yang seterusnya yang diambil oleh Jardine adalah cuba menyakinkan masyarakat awam di London terhadap perubahan dasar luar yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan. Hal yang demikian kerana sentimen dan pandangan awam turut mempengaruhi tindakan kerajaan dalam mengubah dasar kerajaan Britain. James Matheson menulis surat kepada Jardine yang mencadangkan supaya beliau menerbitkan artikel berkaitan dengan situasi yang berlaku di China. Beliau mencadangkan Jardine menggunakan khidmat Samuel Warran yang merupakan

editor akhbar Chartist (JM/C5/4). Cadangan Matheson diterima oleh Jardine dan bersetuju menggunakan perkhidmatan Warren. Pada awal tahun 1840, Warren menerbitkan *The Opium Question* yang mengkritik tindakan mahajara dan Pesuruhjaya Lin. Malah, Jardine menggunakan artikel tersebut untuk mendapatkan sokongan daripada masyarakat awam.

Walau bgaimanapun, tidak semua masyarakat awam dan parlimen bersetuju dengan dasar penggunaan kekerasan terhadap negara China. Sir James Graham yang merupakan ahli parlimen Britain menolak cadangan peperangan ke atas China. Menurut beliau,

*"It appeared that this would be no little war—nor one which, as some appeared to think, would be terminated by a single campaign. It was one which would be attended with circumstances no less formidable than the magnitude of the interests which were at stake. If a war with China were to take place, it should be remembered that it was a contest which should be carried on at the remotest part of the habitable globe, and where the monsoons would materially interfere with the communications which must be had with this country. It was to be carried on at an immense distance from all our naval stations. The squadrons which should be sent out would be exposed to various dangers. They would arrive at their destination after a long voyage, pent up in crowded transports, and wearied with the fatigues of an element which our land forces abhor, they would come to the scene of action with abated Strength and diminished energies."* (Song-Chuan Chen, 2017).

Selain itu, terdapat juga penentangan dan kritikan terhadap aktiviti penyeludupan dan perdagangan haram cанду yang dilakukan oleh pedagang British di China. Keadaan ini telah menyebabkan *The Opium Question* digunakan untuk menangkis kritikan dan perdebatan yang ditujukan kepada golongan pedagang. Namun, bermula tahun 1840-an, ramai orang awam mula menyokong tindakan kerajaan mengubah dasar terhadap negara China kerana penindasan penguatkuasa China terhadap pelayar yang dibelasah sehingga mati di Kowloon tersebar luas di London. Insiden tersebut membangkitkan kemarahan masyarakat terhadap China (Hanes W. Travis & Sanello Frank, 2004).

## Penilaian

Usaha Jardine yang mewakili pedagang British di China membuatkan hasil apabila parlimen mula mengadakan perbincangan mengenai dasar luar Britain terhadap China. Lord Palmerston membentangkan petisyen yang dihantar oleh pedagang British di China tentang keperluan Britain mendesak China mengubah dasar perdagangannya. Petisyen tersebut menyebut “unless measures of the government are followed up with firmness and energy the trade with China can longer be conducted with security for life and property, or with credit or advantage to the British nation”. Hasil perbincangan tersebut, 262 undi diperoleh daripada keseluruhan jumlah sebanyak 271 undi (Foster W., 2003). Akhirnya, kerajaan Britain bersetuju menghantar kapal perang ke China pada akhir tahun 1839. Hal ini bermakna pedagang British berjaya mendesak kerajaan untuk mengubah polisi terhadap China. Serangan British terhadap China dikenali sebagai Perang Candu Pertama. Britain telah memenangi peperangan tersebut dengan mudah. Walaupun Jardine dan pedagang British yang lain tidak terlibat secara langsung dalam peperangan tersebut, tetapi desakan yang dilakukan oleh pedagang British di China berjaya membuatkan kerajaan Britain mengubah polisi dan menggunakan “gun boat policy” terhadap China sehingga awal abad ke-20. Kemenangan Britain dalam perang tersebut memberi keuntungan besar kepada pedagang British. Malah, kemenangan ini juga menyebabkan pihak China terpaksa membuka lebih banyak pelabuhan dan membuka China kepada perdagangan asing.

Cadangan Jardine diguna pakai dalam Perjanjian Nanking 1842. Palmerston dalam suratnya kepada Smith menyatakan:

*To the assistance and information which you and Mr. Jardine so handsomely afforded us it was mainly owing that we were able to give our affairs naval, military and diplomatic, in China those detailed instructions which have led to these satisfactory results. It is indeed remarkable that the information which we procured from yourself and various other persons who we consulted in Autumn of 1839. Which was embodied in instructions which we gave in Feb, 1840 and was accurate and complete that it appears that our successors have not found reason to make any alteration in them and it has turned out that decisive operation has been that in the Yang Tsi Kiang which was suggested to our naval commander as far back our instructions of Feb, 1840 and that the conditions of peace imposed upon the Emperor are precisely those which we had instructed our plenipotentiaries Elliot and Pottinger to obtain. (JM/C3/2)*

Jardine menulis;

*"We have no hesitation in stating to you openly that our principal reliance is on opium. [which] by man is considered an immoral traffic yet such traffic is so absolutely necessary to give any vessel a reasonable chance of defraying her expenses that we trust you will have no objection." (JM/C4/1)*

Beberapa pengkaji lepas turut bersetuju dengan kenyataan ini antaranya J.W. Wongs dalam bukunya bertajuk *Deadly Dreams: Opium and the Arrow War (1856-1860) in China*. Walaupun kajian beliau mengenai Perang Candu Kedua, tetapi beliau menegaskan Jardine merupakan individu yang bertanggungjawab mendesak Britain melancarkan perang terhadap China. Beliau menulis "*He (Jardine) saw Palmerston and literally masterminded the governments approach towards China and the Opium War, down to the details such as the size of the ship to be deployed and the terms of the treaty to be proposed to China*". Selain Wong, Hsin-poa Chang turut menyokong kenyataan beliau. Chang berpendapat Jardine telah berjaya mempengaruhi keputusan kerajaan untuk mengubah polisi dan pendekatan terhadap negara China, namun yang melaksanakannya ialah Palmerston. Jelasnya, Jardine bukan sahaja seorang doktor tetapi beliau juga seorang pedagang yang bijak serta berkaliber. Beliau sangat berpengaruh dan dihormati dalam kalangan pedagang di China.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pedagang British yang berdagang di China mendesak kerajaan Britain mengubah dasar luar terhadap China antaranya perbezaan dasar dan pandangan terhadap perdagangan. China memandang prejudis terhadap aktiviti perdagangan tetapi pedagang British bertindak sebaliknya. Pedagang asing terutamanya pedagang British melihat aktiviti perdagangan merupakan aktiviti yang menguntungkan dan memberi kekayaan. Perbezaan pendapat ini semakin meruncing apabila China mengadakan sekatan perdagangan yang dilihat menindas pedagang British. Selain itu, keengganahan China menjalankan hubungan diplomasi turut memburukkan keadaan. Britain beberapa kali menghantar wakil untuk berunding tetapi menemui kegagalan. Walaupun terdapat sekatan dan halangan yang diterima oleh pedagang British, tetapi atas faktor kepentingan perdagangan telah menyebabkan mereka berusaha dan bertahan untuk berdagang dengan pihak China. Permintaan yang tinggi terhadap teh, sutera dan tembikar dari China bagi pasaran Eropah juga telah menyebabkan pedagang British tidak mahu menghentikan perdagangan dengan China. Tambahan pula, aktiviti penyeludupan candu yang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan orang China turut menjadi faktor mereka ingin meneruskan kegiatan perdagangan di China. Pedagang British seperti Jardine merupakan pedagang yang

memainkan peranan penting dalam menggerakkan usaha mendesak pihak kerajaan mengubah polisi yang diguna pakai terhadap negara China sebelum ini. Usaha tersebut bermula selepas penamatan SHTI dan kedatangan Lord Napier ke China. Pelbagai usaha yang dilakukan antaranya menghantar memorandum, petisyen, menerbitkan risalah-risalah dan Jardine sendiri pulang ke England untuk bertemu Parlimesos yang bertanggungjawab membentangkan usul yang dicadangkan oleh pedagang British. Akhirnya, pada tahun 1839, Britain memutuskan untuk menggunakan *gunboat policy* terhadap China bertujuan mendesak China agar akur terhadap permintaan Britain, terutamanya dalam isu perdagangan.

## Rujukan

- Alain Le Pichon, ed., (2006). *China Trade and Empire: Jardine, Matheson & Co. and the of British Rule in Hong Kong, 1827-1843*. Oxford: Oxford University.
- Braudel, Fernand. (1992). *Civilization and Capitalism 15<sup>th</sup>-18<sup>th</sup> Century. Vo. 1. The Structure of Everyday Life: The Limits of the Possible*. Long Angeles: University of California Press, 1992
- Beeching, Jack. (1975). *The Chinese Opium Wars*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Booth, Martin. (1996). *Opium: A History*. New York: St. Martinís Press.
- Bowen, H.V. (2005). *The Business of Empire: The East India Company and Imperial Britain 1756-1833*. University Leicester.
- Chang, Hsin-Pao. (1974). *Commissioner Lin and the Opium War*. Cambridge: Harvard University Press.
- Edward Le-Fevour. (1968). *Western Enterprise in Late Ch'ing China: A Selective Survey of Jardine, Matheson & Company's Operations, 1842-1895*. East Asia Research Centre: Harvard University Press.
- Fairbank, J.K. 1(969). *Trade and Diplomacy on the China Coast: The Opening of the Treaty Ports 1842-1845*. Harvard University Press.
- Fairisa Othman, et.al. "Hubungan Jardine Matheson & Co. (JM) dan Dinasti Ch'ing 1932-1912: Dari Musuh Menjadi Kawan". *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (2) (August 2020): 102-125
- Fay, Peter Ward. (1976). *The Opium War, 1840–1842: Barbarians in the Celestial Empire in the early part of the nineteenth century and the way by which they forced the gates ajar*. New York: Norton.
- Foster Stockwell. (2003). *Westerners in China: A History of Exploration and Trade Ancient Times Through the Present*. Jefferson, NC: McFarland & Co.
- Hanes, W. Trvis and Sanello Frank. (2004). *Opium Wars: The Addiction of One Empire and the Corruption of Another*. Sourcebook.
- Hsu, Immanuel Hsu. (2000). *The Rise of Modern China*. New York: Oxford University.
- Jack Beeching. (1975). *The Chinese Opium Wars*. London: Hutchinson.
- J. W. Wong. (1998). *Deadly Dreams: Opium and the Arrow war (1856-1860) in China*, Cambridge: University Press.
- John K. Fairbank. (1954). *China's Response to the West: a documentary Survey 1839-1923*. Cambridge: Harvard University Press.
- JM/A1/38: Ledger of the Office Canton dan Macoa 1838-1839.
- JM/A1/40: Ledger of the Macoa Office 1840-1841.
- JM/C4/1; Private Letter William Jardine to Charles Gutzlaff, 1830.
- JM/C5/4. Private Letter from James Matheson to William Jardine, 19 December 1839.
- JM C5/4. Private Letter from James Matheson to William Jardine, 6 May 1839.
- Keswick, Maggie & Weatherall, Clara (edt.). (1982). *The Thistle and the Jade: A Celebration of 175 Years of Jardine Matheson*.
- Mather J. (2016). *Rise and Fall East India Company*. Hachett: United Kingdom.
- Mukherjee, Ramkrishna. (1974). *The Rise and Fall of East India Company*. Monthly Review Press.
- Paul A. Van Dyke. (1997). *Canton Trade: Life and Enterprise on the China East 1700-1845*. Hong Kong.
- Micheal, Greenberg. (1969). *British Trade and Opening China 1800-1842*. Cambridge University Press.
- Robert Bickers. (2011). *The scramble for China: foreign devils in the Qing Empire 1800-1914*. London: Allen Lane.

- Suffian Mansor. (2009). *Sejarah China Modern*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ssu-yu Tend and John Fairbanks. (1965). *China's Response to the West: A Documentary Survey*, Cambridge: Harvard University Press.
- Twitchett, D. C and Mote, F.W. (1998). *The Cambridge History of China: The Ming Dynasty, 1368-1644*: Jilid 2, Cambridge University Press.
- Wilbur, M. E. (1950). *The East India Company: And the British Empire in the Far East*. Stanford University Press.
- Waley, Arthur. (1995). *The Opium War Through Chinese Eyes*. Stanford: Stanford University Press.
- Weng Eang Cheong. (1997). *The Hong Merchants of Canton: Chinese Merchants in Sino-Western Trade, 1684-1798*. Curzon Press.
- Wild, Antony. (1999). *The East Company: Trade and conquest from 1600*. London: Harper Collin Publisher.
- Wong, J. Y. (1999). *Deadly dreams: Opium, imperialism, and the Arrow War (1856-1860) in China*. Cambridge University Press.
- Van Dyke, Paul A. (2007). *Canton Trade: Life and Enterprise on the China East 1700-1845*. Hong Kong.